



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BENGKEL TEATER ADVOKASI ‘MENCARI PUTERI HANG LI PO’: MEMUPUK POTENSI DIRI MURID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

VILLIAH PERDES NELSON

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**BENGKEL TEATER ADVOKASI ‘MENCARI PUTERI HANG LI PO’:
MEMUPUK POTENSI DIRI MURID**

VILLIAH PERDES NELSON

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

UPSUPS-3/BO 32
Pind : 00 m/c: 1/1Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 24 (hari bulan) JULAI (bulan) 2021

I. Perakuan pelajar :

Saya, VILLIAH PERDES NELSON : M20181001235 : FMSP (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk BENGKEL TEATER ADVOKASI "MENCARI PUTERI HANG LI PO": MEMPUK POTENSI DIRI MURID

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, Pm. Dr. Nuzul Khyah A. Rahman (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Bengkkel Teater Advokasi "Mencari Puteri Hang Li Po": Mempuk Potensi Diri Murid

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

23/7/2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

ptbupsi





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: BENGKEL TEATER ADVOKASI "MENCARI PUTERI HANG
LI PO": MEMUPUK POTENSI DIRI MURID

No. Matrik / Matric's No.: M20181001235

Saya / I: VILLIAH PERDES NELSON

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 24.07.2021

[Signature]
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)



Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala puji-pujian dan limpahan syukur nikmat bagi Allah Subahana Wata'ala yang memberi ilmu, kesabaran dan ketabahan juga selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda dan seluruh kaum muslimin dan muslimat. Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia, rahmat dan izin Mu, maka lengkaplah disertasi ini seperti yang dituntut.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan khas buat Profesor Madya Dr. Mohd Kipli bin Abdul Rahman, Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan selaku penyelia utama disertasi projek akhir ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau banyak membantu di dalam menyelesaikan projek akhir ini. Malah beliau juga sentiasa memberi peluang dalam memperbaiki draf penulisan tanpa memberi sebarang tekanan. Tidak dilupakan penyelia bersama Dr. Salman Alfarisi yang sentiasa ada dan tidak jemu memberi ilmu yang diperlukan.

Istimewa ditujukan salam penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga sehingga tidak mampu diterjemahkan dengan kata-kata buat suami yang disanjung dan dihormati, Hj. Mohd Zaki bin Mohd Salikon yang sentiasa berdiri di samping di kala senang dan susah, begitu juga dengan anaknda-anaknda yang disayangi Muhammad Al Farabi, Farra Varisya dan Muhammad Avicenna yang sentiasa bersabar dengan keadaan ini. Moga kalian sentiasa dalam lindungan Allah SWT. Salam penghargaan ini seterusnya dikhaskan buat kedua orang tua, ayahnda Hj. Perdes bin Nelson dan Allahyarhamah bonda Hj. Loznie bt Hj. Kalbie di atas segala doa serta pengorbanan dalam mendidik anakmu ini sejak kecil. Bonda pergi buat selamanya ketika diri ini masih di menara gading, namun doa-doanya tetap menjadi kekuatan untuk terus bangkit berjuang sehingga mencapai kejayaan. Semoga kalian sentiasa berada dalam rahmat Allah.

Seterusnya salam penghargaan ini ditujukan buat semua ahli keluarga, rakan- rakan seperjuangan serta sahabat-sahabat jauh dan dekat tidak kira di mana sahaja berada. Sokongan dan doa yang tidak pernah berbelah bahagi daripada kalian tidak akan diri ini lupakan sepanjang hayat kehidupan. Semoga segala bantuan dan usaha yang telah dicurahkan selama ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Sesungguhnya diri ini amat menyayangi diri kalian semua. Semoga semuanya sentiasa dalam rahmat Allah SWT.

Sekian, terima kasih daun keladi.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memupuk potensi diri murid sekolah rendah yang berkemampuan untuk berjaya sekiranya diberi peluang dan dibimbing dengan cara yang sewajarnya. Kajian ini menepati dan menyokong dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang telah mewujudkan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) yang bertujuan untuk memberikan bimbingan, asuhan, latihan, pemupukan dan pengukuhan tanpa mengira kaum, etnik dan jantina. Kajian ini dijalankan melalui suatu bengkel teater advokasi yang mana prosesnya melibatkan aktiviti latihan teater berdasarkan modul teater (PBSB) bersama murid sekolah rendah yang terpilih di Tawau, Sabah yang dipimpin oleh jurulatih terlatih JKKN. Bengkel ini berlangsung dalam masa 2 hari. Kajian ini mengaplikasi “Teori Kecerdasan Pelbagai” dan berpandukan pada kerangka teater yang difokuskan melalui pemilihan murid dan seterusnya proses memupuk potensi murid melalui kemahiran komunikasi dan hasilnya akan dipersembahkan dalam bentuk bengkel teater advokasi. Kaedah yang digunakan iaitu menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temubual. Aktiviti bengkel teater ini terdiri daripada improvisasi, asas seni lakon, analisa skrip, penghayatan watak, pengenalan teater, sinografi dan showcase. Melalui bengkel teater ini diharapkan dapat mengangkat potensi diri murid dalam kemahiran komunikasi dan secara tidak langsung dapat mencungkil bakat seni di kalangan murid sekolah rendah di samping dapat menerapkan nilai-nilai murni serta menyemarakkan aktiviti teater dalam kalangan generasi muda.



ADVOCATIONAL THEATRE WORKSHOP ‘SEARCHING FOR THE PRINCESS HANG LI PO’: NURTURING STUDENTS’ PERSONAL POTENTIAL

ABSTRACT

This study aims to nurture the potential of primary school students who are capable of success if given the opportunity and guided in the appropriate way. These opportunities and guidance are already embedded in the policy of the Ministry of Education Malaysia (MOE) and the National Department of Culture and Arts (JKKN) which established the Cultural Arts Guidance Program (PBSB) whose aim is to provide guidance, care, training, nurturing and strengthening of young children's potentials regardless of their gender, race, and ethnicity. This study was conducted by trained JKKN coaches through an advocacy theatre workshop which provided theatrical training activities based on the PBSB theatre modules with selected primary school students in Tawau, Sabah. The workshop lasted for 2 days. This study applies "Multiple Intelligence Theory" guided by the theoretical framework of qualitative data collection and analyses; focused through the selection of students and then the process of cultivating student potential through communication skills and the results will be presented in the form of an advocacy theatre workshop. The theatre workshop activities applied improvisation, the basics of acting, script analysis, character appreciation, theatre introduction, scenography and showcase. Through these elements of theatre activities, it is expected to raise the potential of students in communication skills indirectly be able to unearth, their theatrical and artistic talent but also indirectly promote good values as well as encourage theatrical pursuits among the younger generation.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Latar Belakang	1
-----	----------------	---

1.2	Permasalahan Kajian	7
-----	---------------------	---

1.3	Matlamat Kajian	10
-----	-----------------	----

1.4	Objektif Kajian	12
-----	-----------------	----

1.5	Persoalan Kajian	13
-----	------------------	----



1.6	Skop dan Batasan Projek	13
1.7	Signifikasi Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Teater	15
1.8.2	Advokasi	16
1.8.3	Potensi	17
1.8.4	Murid Sekolah Rendah	18
1.9	Projek Advokasi Bengkel Teater ‘Mencari Puteri Hang Li Po’	19
1.9.1	Kerangka Konsep	21
1.9.2	Sinopsis Teater Mencari Puteri hang Li Po	23
1.9.3	Lirik lagu ”Mencari Puteri Hang Li Po”	23
1.10	Rumusan	24

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF 25

2.1	Pengenalan	25
2.2	Kajian Literatur	26
2.2.1	Teater	26
2.2.2	Pemupukan Potensi Diri	30
2.2.3	Pemupukan Kemahiran Komunikasi Murid	32
2.2.4	Advokasi	35
2.3	Kajian Karya Kreatif	39
2.3.1	Bengkel Advokasi Teater Pendidikan	39

2.3.2	Bengkel Teater Muzikal Kanak-Kanak	41
2.3.3	Bengkel Puppet	43
2.4	Landasan Teori	44
2.4.1	Teori Pelbagai Kecerdasan	44
BAB 3	METODOLOGI	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka bentuk Kajian	48
3.3	Kaedah Mengajar Murid dengan Menggunakan Aktiviti Teater	50
3.3.1	Prosedur Menjalankan Aktiviti Bengkel Teater	50
3.4	Teknik Pengumpulan Data dan Instrumen Penyelidikan	53
3.5	Kaedah Temubual	55
3.6	Kaedah Soal selidik	57
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.7.1	Peringkat pertama	59
3.7.2	Peringkat kedua	59
3.8	Kesahan Soal Selidik	60
3.9	Rumusan	60
BAB 4	ANALISIS DATA	61
4.1	Pengenalan	61
4.2	Hasil Analisis Pra dan Pasca	62
4.3	Rumusan Hasil Analisis Temubual	63

4.4	Analisis Pemerhatian	67
4.5	Aplikasi Prinsip Advokasi	69
4.5.1	Realistik	70
4.5.2	Sistematik	70
4.5.3	Taktikal	72
4.5.4	Strategik	72
4.5.5	Beranian diri	73
BAB 5	REFLEKSI, RUMUSAN DAN CADANGAN	75
5.1	Pengenalan	75
5.2	Refleksi	76
5.3	Cadangan	79
5.4	Rumusan	80
RUJUKAN		81
LAMPIRAN		91

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Penanda Rubrik untuk Prestasi teater	54
3.2	Skala Likert Bahagian Konstruk (diadaptasi daripada Chua, 2006)	58
4.1	Statistik Sampel Berpasangan	62
4.2	Ujian Sampel Berpasangan	62
4.3	Hubungan Sampel Berpasangan	62
4.4	Analisis jumlah kekerapan berdaarkan senarai semak pemerhatian	68



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kon Pembelajaran Edgar Dale Sumber. Dale (1969).	6
1.2 Kerangka Konsep ‘Bengkel Teater Advokasi “Mencari Puteri Hang Li PO”	21
1.3 Carta Aktiviti Dalam Bengkel Teater Mencari Puteri Hang Li Po	22
2.1 Bengkel Teater Advokasi Teater Pendidikan Kg. Ranau (http://kgranau.pjk.com.my/index.php/component/search/?searchword=teater&searchphrase=all&Itemid=174)	41
2.2 Poster Bengkel Teater Muzikal Kanak-Kanak (http://shonrahim.blogspot.com/2015/04/bengkel-teater-muzikal-kanak-kanak.html)	41
2.3 Keratan akhbar Bengkel Puppet (http:// artsloveddy. blogspot. com/2015/ 02/)	43
4.1 Proses Advokasi : Sumber Edi Suharto (2009)	71

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IA	Kecerdasan Intrapersonal
IE	Kecerdasan Interpesonal
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KI	Kecerdasan Kinestatik
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KTB	Kumpulan Tunas Budaya
LM	Kecerdasan Logik Matematik
MZ	Kecerdasan Muzik
NA	Kecerdasan Naturalis
PBSB	Program Bimbingan Seni Budaya
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistic Package for Social Science
VL	Kecerdasan Verbal Linguistik
VR	Kecerdasan Visual Ruang

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Bengkel Teater Advokasi “Mencari Puteri Hang Li Po”
- B Gambar Aktiiviti Semasa Bengkel Teater Advokasi ”Mencari Puteri Hang Li Po”
- C Gambar Props semasa ‘Showcase’
- D Gambar Semasa ‘Showcase’
- E Lirik lagu ”Mencari Puteri Hang Li Po”
- F Borang Soal Selidik

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ada menyatakan bahawa pendidikan perlu diberikan kepada setiap individu bagi mengembangkan potensi diri mereka. Potensi ini perlu dikembangkan dengan secara menyeluruh dan bersepadu agar masyarakat dapat bersaing dalam era serba teknologi pada masa kini. Konsep asas yang terdapat di dalam FPK ialah peranan ilmu dan keberkesanan dalam membangunkan insan dan masyarakat (Zailan Moris, 2017). Dalam kata lain, FPK menginginkan agar sistem pendidikan di sekolah mementingkan pemupukan potensi diri murid secara seimbang dan menyeluruh dalam membentuk insan yang sempurna. FPK telah disimpulkan pada tahun 1988 dan dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 yang menegaskan:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan



berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

(Akta Pendidikan 1996, Akta 550)

Melalui pernyataan di atas, FPK dengan tegasnya menekankan bahawa sistem pendidikan di Malaysia memberi keutamaan terhadap perkembangan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh kearah melahirkan insan yang positif berdasarkan kepercayaan, keyakinan dan ketaatan kepada tuhan. Malahan juga, FPK berhasrat untuk menjadikan insan yang berpegang teguh pada agama. Secara tidak langsung ini perlu dijadikan teras kepada pendidikan di negara ini bermula daripada pendidikan awal di tadika seterusnya ke peringkat pengajian tinggi.

Potensi dapat didefinisikan dari bahasa latin iaitu *potential* yang membawa maksud kemampuan. Potensi yang dimaksudkan di sini adalah kebolehan atau kemampuan yang mempunyai peluang untuk dikembangkan (Pakhi Pamungkas, 1997). Potensi adalah anugerah yang sangat hebat yang belum ketara di awal usia seseorang manusia. Di samping itu, potensi adalah kemampuan yang belum dilihat, kuasa yang masih belum terbongkar, kekuatan yang belum ditonjol, hasil yang masih kabur, kurnia yang masih tersimpan rapi atau dengan kata lain potensi adalah kemampuan atau daya kekuatan, di mana ianya merupakan bakat dan hasil stimulus atau latihan dalam perkembangan (Abi Hafiz, 2013). Manakala menurut PT. Gramedia Pustaka Utama, 2008, potensi adalah kemampuan, kekuatan, kesanggupan serta daya yang mempunyai kemungkinan untuk dikembangkan. Melalui beberapa pengertian di atas, potensi dapat didefinisikan sebagai kemampuan sebenar yang masih belum ditonjolkan dan dapat dirasakan hasilnya setelah kemampuan itu dikembangkan. Hakikatnya seorang insan itu apabila ianya lahir ke dunia sudah dilengkapi dengan pelbagai potensi, namun





potensi tersebut akan menyerlah sekiranya ada usaha yang dilakukan untuk merangsangkannya.

Seiringan dengan usaha memperkembangkan potensi diri murid ini, sistem penilaian juga sama ada di peringkat sekolah atau di peringkat kebangsaan haruslah bersifat anjal. Penilaian harus mempunyai elemen ke arah mencungkil aspek perkembangan potensi diri secara lebih luas, menyeluruh dan bersepadu dan bukannya terlalu rigid yang berfokus pada satu aspek kecemerlangan akademik sahaja. Jelasnya, negara menginginkan warisan anak muda yang berpotensi, kreatif, inovatif dan dinamik dalam menerajui pembangunan negara ke arah menempuh alaf baharu. Dalam kata lain, potensi diri amat berkait rapat dengan kekuatan atau bakat yang ada pada seseorang individu. Sifatnya sangat eksklusif dan hanya unik kepada individu tersebut.



Malaysia bermula tahun 1996, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai Program Bimbingan Seni Budaya Negara (PBSB). Program ini bertujuan untuk memberikan bimbingan, asuhan, latihan pemupukan dan pengukuhan kepada seluruh warganegara Malaysia yang berbilang bangsa tanpa mengira kaum, etnik dan jantina agar mereka dapat mengenali, memahami, menghayati serta mengamalkan seni budaya tempatan Malaysia. Program yang dilaksanakan ini terus dilestarikan yang mana dahulunya telah dikelolakan oleh KPM, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah-sekolah serta Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui JKKN negeri-negeri (Teater Modul 3: 2012).





Perlaksanaan PBSB ini pada awalnya hanya memfokuskan aktiviti tarian yang lebih dikenali sebagai kumpulan Tunas Budaya (KTB). Pada waktu tersebut, aspek modul, kejurulatihan dan bimbingan serta asuhan tidak diberi keutamaan. Ini kerana, perlaksanaan pembelajaran dan pengajaran kepada murid adalah bergantung kepada kebijaksanaan jurulatih. Namun sekitar tahun 2001, PBSB telah berkembang dengan bertambahnya jumlah sekolah yang menyertai kelab ini. Justeru itu, bidang aktivitinya juga turut dimurnikan serta ditambah baik daripada bidang tarian semata kepada teater dan muzik. Akibat tidak ramai guru di sekolah yang berkemahiran dan berbakat untuk mengajar bidang kebudayaan dan kesenian kepada murid-murid di sekolah, maka pada tahun 2000, kabinet Malaysia telah mengambil kata sepakat agar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan (nama kementerian pada masa itu) berganding bahu bersama KPM untuk mengaktifkan kembali kelab-kelab kebudayaan di sekolah (Teater Modul 3: 2012).



Estes, Brooks, et al. (2019) menyatakan bahawa dengan menyatukan seni teater ke dalam kurikulum akan membantu kanak-kanak untuk mudah memahami sesuatu pelajaran yang kompleks. Ini kerana dengan seni teater, mereka berupaya untuk memahami sesuatu mata pelajaran dengan mudah. Tambahan pula, hasil kajian Reed, (2017); Millemann, Rauh, et al. (2020); Kaplan, dan B. Horn (2017); Greene, Erickson, et al. (2018) menunjukkan kesan positif yang konsisten akibat penyatuan teater dalam pengajaran dalam kelas di kalangan murid yang menunjukkan peningkatan potensi dari aspek membaca pemahaman cerita lisan dan pemahaman cerita bertulis.

Oleh yang demikian merujuk pada kenyataan di atas kajian ini ingin menggunakan teater sebagai satu aktiviti advokasi untuk memupuk potensi diri murid. Advokasi teater yang diaplikasikan di sekolah merupakan satu pendekatan baharu






khususnya di Malaysia. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar di daerah Tawau, Sabah. Sekolah tersebut dipilih berdasarkan lokasi luar bandar yang mana pengkaji dapat berkongsi pengalaman yang sedia ada justeru untuk mendapatkan suasana persekitaran serta penerimaan murid sekolah luar bandar terhadap bengkel teater yang bertujuan untuk memupuk potensi diri murid.

Melalui bengkel teater yang dijalankan, murid secara tidak langsung dapat melibatkan diri dengan lebih aktif dan dengan itu peningkatan daya ingatan serta kefahaman mereka terhadap apa yang mereka telah pelajari. Melalui susunan kadar keaktifan tahap kefahaman murid adalah berbeza mengikut aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas atau bilik darjah. Dale (1969) mengatakan murid-murid yang terlibat secara langsung dalam lakonan (drama dan teater) mengingati 90% daripada isi kandungan pengajaran kerana mereka melibatkan diri mereka secara langsung. Merujuk pada Rajah 1, ia menjelaskan bahawa teknik pengajaran dan pembelajaran sebelum ini hanya berpusatkan guru namun sekarang ianya telah bertukar kepada berpusatkan murid. Dahulunya, teknik pengajaran dan pembelajaran hanya tertumpu kepada pemerhatian murid dengan hanya melihat dan mendengar, kini ianya lebih memfokuskan penglibatan murid secara langsung ke dalam topik yang dibincangkan. Maka secara tidak langsung, murid akan mencuba untuk melibatkan dirinya dengan sendirinya. Dalam kajian ini, murid dikatakan melakonkan watak tertentu, berinteraksi dengan watak lain, menggunakan dialog dan melahirkan aksi melalui pergerakan anggota badan. Dengan ini, jelas dikatakan bahawa “Kon Pengalaman Dale” ini mampu merangsang keefisienan komunikasi di antara murid dan guru atau sebaliknya serta murid sesama murid yang lain bagi mempercepatkan proses komunikasi dan pemahaman mereka.



The Cone of Learning

sparkinsight.com



Rajah 1.1. Kon Pembelajaran Edgar Dale Sumber. Dale (1969).

mampu meningkatkan perkembangan potensi diri murid melalui seni lakonan yang dramatik. Ini boleh dibuktikan melalui teater forum yang jelas mempunyai pelbagai teknik dan pengalaman yang berunsur dramatik. Maka ini, kerap menjadi metodologi pengajaran kerana genre dramatik ini mementingkan konsep pembelajaran melalui medium yang menuntut penglibatan tingkah laku dan emosi yang bersifat kritis dan reflektif.

Damon (2002) seorang psikologi juga mengakui dengan kegiatan berteater akan membantu dalam melahirkan murid yang bersubjek. Beliau juga menegaskan teater adalah media hidup yang paling dekat dengan manusia untuk mereka memperoleh “latihan subjek” dalam melangsungkan kehidupan. Pendek kata, melalui teater ianya mampu digunakan sebagai satu jenis latihan asas untuk hidup dan membantu mereka



melalui amalan hidup harian dengan betul terhormat serta mulia (Boal, 2008). Teater juga dikatakan menjadi bahan motivasi yang mampu memberikan murid dengan satu bentuk dilema subjek dalam bentuk yang diramalkan. Ianya menjadi mudah dan berlaku secara berulang seperti yang dihadapi dalam kehidupan harian (Levy, 1997).

Professor Madya Dr. Andika Aziz Hussin (2019) dalam artikelnya, mengatakan bahawa teater adalah berperanan dalam sistem pendidikan dan ini menjadikan murid dapat mempertingkatkan lagi potensi diri dalam pelbagai aspek termasuklah dalam memperkembangkan potensi diri dan sosialnya. Aktiviti teater yang berpusatkan murid sekolah, akan menjadikan penyertaan mereka menjadi lebih aktif. Maka dengan ini, beliau menyatakan bahawa situasi ini amat bersesuaian apabila teater menjadi medium unggul untuk menyampaikan pembelajaran secara bersepadu sebagaimana yang diharapkan dalam pendidikan masa kini. Tambah beliau lagi, melalui aktiviti drama dan teater, murid yang terlibat dapat mengenal diri mereka dengan lebih jelas, mengenal ruang dan persekitaran, memahami rakan serta meningkatkan keupayaan mereka dalam pelbagai aspek.

1.2 Permasalahan Kajian

Murid sekolah rendah merupakan golongan yang perlu diambil perhatian dalam konteks sistem pendidikan di negara ini. Golongan ini mempunyai potensi diri yang besar sekiranya diberikan peluang dan dibantu dengan pendekatan yang terbaik. Terdapat beberapa permasalahan dan isu yang dikaji dalam kajian ini yang menjadikan





kurangnya perkembangan potensi diri murid sekolah rendah. Ini termasuklah kurang kemahiran berkomunikasi, kurang motivasi, dan tiada keyakinan diri.

Permasalahan yang pertama adalah isu kurangnya kemahiran komunikasi murid yang memberi pengaruh kepada pembantutan potensi diri mereka untuk berkembang. Komunikasi penting bagi memastikan murid memberikan respons dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Sekiranya kemahiran komunikasi seperti menyual, menjawab dan berinteraksi dalam diri murid gagal, maka proses pemupukan potensi murid akan gagal mencapai matlamatnya. Dalam kemahiran asas, salah satu tempoh penting untuk memperbaiki kemahiran komunikasi atau bercakap adalah semasa berada di sekolah rendah. Kemahiran bercakap yang dipelajari ketika sekolah rendah adalah sangat penting dan ianya berkekalan. Oleh itu, adalah mustahak menggunakan teknik pengajaran yang berkesan untuk memupuk kemahiran bercakap semasa dalam sekolah rendah. Pada pandangan pengkaji, salah satu teknik yang terbaik bagi membantu murid sekolah rendah memperoleh dan membangunkan kemahiran komunikasi lisan adalah melalui penggunaan aktiviti teater kreatif dan boleh dianggap sebagai teknik pembelajaran alat untuk penciptaan diri serta seni. Melalui kajian yang dijalankan ini ianya berhubung kait dengan pemupukan potensi diri murid dari aspek komunikasi mereka

Permasalahan seterusnya adalah masalah kurangnya keyakinan diri. Faktor ini menyebabkan murid dalam golongan ini sukar berjaya dan lemah dalam mempamerkan potensi diri mereka. Mereka merasa tidak yakin apa yang telah diusahakan. Mereka agak ragu-ragu dalam menyelesaikan sesuatu aktiviti. Kurangnya keyakinan diri memberi implikasi yang buruk sehingga mereka tidak mampu bergaul dan takut bersaing dengan murid yang lebih baik dari mereka.





Tahap motivasi yang rendah dalam diri seseorang murid menjadi faktor penghalang kepada mereka untuk mengembangkan tahap potensi diri mereka. Motivasi yang rendah menyebabkan persiapan golongan ini tidak membuat persiapan yang rapi dalam pelbagai keadaan atau ujian malah ada yang tidak memberikan penumpuan dan fokus terutamanya ketika berada di dalam kelas semasa proses pembelajaran.

Seperti yang dinyatakan di atas, di dalam bilik darjah terdapat banyak murid yang mempunyai ciri-ciri dan permasalahan pembelajaran yang berbeza. Menurut Ramadhan, Setiyadi, et al. (2019), Flanagan dan Addy (2019), Selvia dan Awaludin, et al. (2019) mengenal pasti beberapa ciri yang berbeza-beza dalam kalangan murid, contohnya: *introvert*, *extrovert*, *talkative* dan lain-lain. Justeru yang demikian, apabila murid melakukan teater, mereka mempunyai tanggungjawab untuk menjadi watak dan peranan. Jadi, dalam kajian ini melalui aktiviti berteater kita boleh memberi peluang kepada murid-murid untuk turut serta. Dalam keadaan ini, mereka boleh mengamalkan perbualan sesuai dengan senario (Brooks, Estes, et al. 2019).

Aktiviti teater juga secara tidak langsung akan melibatkan emosi (Kaplan, and Horn 2017). Pada masa yang sama Moldwin, dan Mexicotte (2017) menyatakan bahawa kegiatan teater bertindak sebagai pembelajaran dan aktiviti menghasilkan minat murid terhadap pelajaran dan penglibatan dalam kelas. Ini kerana aktiviti teater melibatkan elemen bercakap, di mana murid mengambil lonjakan imaginasi keluar dari ruang kelas. Situasi yang mungkin dihadapi oleh murid apabila menggunakan teater di dunia nyata boleh disimulasikan dan julat yang lebih besar boleh diamalkan daripada biasanya terdapat dalam kelas (Bailey, Zyga, et al. 2019). Bercakap adalah salah satu kemahiran yang akan dibangunkan apabila menggunakan kaedah teater. Menurut Goldfarb (2019), kemahiran produktif seperti menulis melibatkan penggunaan ucapan



untuk menyatakan makna kepada orang lain dan ia biasanya terdapat dalam aktiviti teater. Kita boleh membangunkan kemahiran bertutur murid dengan aktiviti teater dengan memfokuskan secara rutin kepada aspek tertentu untuk bercakap, kelancaran, sebutan, ketepatan tatabahasa atau bahasa tubuh (Michael, 2019).

Seperti yang dikatakan teater adalah kemahiran yang kompleks. Murid di dalam kelas mungkin memerlukan banyak bantuan untuk bersuara dan bercakap. Tetapi Felsman, Seifert, et al. (2019) menemui bahawa murid yang menghadapi banyak masalah dalam menguasai kemahiran bercakap akan kurang menggunakan amalan bahasa di dalam dan di luar kelas. Maka ini adalah punca kegagalan murid dalam menguasai kemahiran bercakap dan ia secara tidak langsung mengurangkan perkembangan potensi diri murid. Oleh yang demikian adalah penting kajian ini dijalankan bagi memupuk potensi diri murid selepas bengkel teater dijalankan.

1.3 Matlamat Kajian

Berdasarkan pengalaman mengajar, pengkaji mendapati terdapat banyak masalah yang berkaitan penglibatan murid di dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Ini kerana terdapat segelintir murid yang tidak sedar mereka ada potensi untuk majukan diri namun kekangan dari perasaan segan atau malu dan kurangnya motivasi diri, tiada atau hanya sedikit keyakinan diri serta kurang berkomunikasi membantutkan potensi diri mereka. Malah ada sesetengah daripada mereka yang mahu menyatakan idea atau perasaan mereka tentang bahan yang diajar, tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk menyatakan idea mereka. Ini disebabkan bahan pelajaran dan persekitaran pelajaran



yang terhad di sekolah malah di rumah mereka. Ada di antara mereka yang tahu bagaimana belajar tetapi mereka enggan menunjukkan minat dalam kelas. Pengkaji juga mendapati terdapat murid yang takut membuat kesilapan dalam ujian, ketika proses pembelajaran, atau ketika cuba berkomunikasi. Selain itu, mereka juga takut dibuli murid lain di sekolah. Justeru, mereka mengambil langkah dengan berdiam diri dan enggan menyuarakan idea dan perasaan dalam fikiran mereka.

Cole, (2017) menyatakan bahawa murid enggan bercakap kerana mereka malu dan tidak ingin untuk mengekspresi diri mereka di depan orang lain, terutamanya apabila mereka diminta memberikan maklumat atau pendapat peribadi. Di samping itu, guru tidak menggunakan strategi khas dan cara tertentu atau pelbagai media dalam pengajaran. Kebanyakannya, guru hanya menggunakan alat bantu mengajar dan papan putih untuk menerangkan bahan yang diajar dan tidak menganalisis masalah murid terutamanya kemahiran bercakap. Akibatnya, murid tidak bermotivasi untuk belajar. Lanjutan dengan keadaan ini, guru sepatutnya menggunakan cara yang berbeza dalam mengajar. Justeru dengan menggunakan teknik teater, diharapkan dapat melibatkan guru dan murid dalam proses pembelajaran. Idea menggunakan teater sebagai cara untuk memupuk potensi telah popular selama bertahun-tahun. Di Malaysia, ramai guru di sekolah mengintegrasikan teater bahasa Inggeris ke dalam kelas, dan beberapa sekolah menubuhkan kelab teater sebagai sebahagian daripada program selepas sekolah.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh teater sebagai satu pemupukan potensi diri murid. Melalui kaedah teater, walaupun sering dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum, ia juga berguna dalam kurikulum teras sebagai alat untuk memupuk potensi diri murid sekolah (Zyga, Russ, et al. 2018; Goldfarb, 2019;





Vassileva, 2019). Pada masa yang sama terdapat ramai pengkaji yang menyatakan teater sebagai gabungan dua komponen iaitu pendidikan dan teater yang telah menunjukkan peningkatan pencapaian akademik dan sokongan diri murid (Cole, Korwek, et al. 2017; West, Daugherty, et al. 2017; Hexter, O'Dowd-Booth, et al. 2019).

Menurut Chuo, Suens, et al. (2019); Horowitz, (2018); Adams, Farris, et al. (2016); Romero-Hernandez, Riojo, et al. (2018) tahap potensi diri mempengaruhi bagaimana murid melakukan sebarang aktiviti akademik, emosi, dan sosial. Jika murid mempunyai keyakinan positif terhadap identiti mereka, dan peranan sosial maka pencapaian akademik mereka akan meningkat (Goldfarb, 2019; Chen, Lou, et al. 2018; Martello, 2017; Peterson, 2017). Oleh yang demikian pengkaji mensyorkan teknik teater dimasukkan sebagai kurikulum sekolah rendah untuk menggalakkan aktiviti murid menjadi lebih ekspresif, kreatif, bermotivasi, berkeyakinan diri, bijak berkomunikasi serta menjadikan aktiviti kokurikulum ini sering diguna pakai.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti potensi diri murid dalam kemahiran komunikasi sebelum projek bengkel teater dijalankan.
- ii. Memupuk tahap kemahiran komunikasi murid melalui projek bengkel teater.





1.5 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah potensi diri murid dalam kemahiran komunikasi dikenal pasti sebelum projek aktiviti bengkel dijalankan?
- ii. Adakah tahap kemahiran komunikasi dapat dipupuk melalui projek bengkel teater?

1.6 Skop dan Batasan Projek

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti potensi diri dari aspek kemahiran berkomunikasi murid dalam aktiviti bengkel teater untuk sekolah rendah tahap 2. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk memupuk potensi diri murid dalam kemahiran berkomunikasi setelah bengkel teater yang dijalankan. Isu ini sangat penting untuk dikaji bukan hanya semata-mata untuk pemupukan potensi murid itu sendiri tetapi ia juga melibatkan potensi diri murid dalam aktiviti kokurikulum dan akademik.

Pengkaji ingin mengenal pasti dan memupuk potensi diri murid dalam kemahiran berkomunikasi melalui aktiviti berteater. Pengkaji telah mengambil faktor masa sebagai batasan kajian. Proses pengumpulan data dan jadual bengkel teater beberapa kali ditangguhkan kerana keadaan negara yang sedang mengalami Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam beberapa fasa, menjadikan sekolah tidak dapat beroperasi seperti biasa. Oleh kerana itu, kekangan ini telah menghadkan skop kajian disebabkan kesan daripada situasi yang berlaku dan masa untuk menjalankan kajian dan menganalisis data sangat terhad.





Seterusnya adalah batasan dari kefahaman responden ketika menjawab soal selidik. Faktor ini juga merupakan perkara yang penting ketika soal selidik diedarkan. Maklum balas yang diberikan oleh responden sangat mempengaruhi data yang diambil. Seandainya responden faham dengan soal selidik yang diberikan maka jawapan maklum balas akan mendapat jawapan yang dimahukan oleh pengkaji. Namun, jika responden tidak faham dengan item yang disoal maka keadaan yang sebaliknya pula akan berlaku. Begitu juga pada komitmen responden yang di temu bual. Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada komitmen responden yang ditemu bual bersandarkan maklum balas yang diterima.

1.7 Signifikasi Kajian



1. Kajian ini akan memberi kebangkitan baru kepada para penyelidik dan pembaca Malaysia dalam menjalankan analisis selanjutnya untuk menjadikan teater sebagai satu aktiviti untuk memupuk potensi diri murid sekolah rendah.
2. Sekolah-sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menggunakan hasil dan cadangan kajian ini sebagai rujukan untuk menyusun semula strategi mereka dalam mempertimbangkan dan menyelesaikan isu-isu yang mempengaruhi meningkatkan potensi diri murid.
3. Kajian ini akan memberikan tindakan yang sesuai sebagai cadangan bagaimana untuk meningkatkan potensi diri murid.



4. Ahli akademik boleh menggunakan kajian ini untuk menerokai isu atau permasalahan yang mempengaruhi potensi diri murid dan mencadangkan apa yang sebenarnya boleh mempengaruhi peningkatan potensi diri murid sekolah rendah di Malaysia.
5. Selain itu, semua penyelidik di Malaysia dapat mengambil langkah sistematik dalam mengembangkan pengetahuan yang lebih baik dalam pemupukan potensi diri murid yang dapat memberikan impak yang lebih besar di kalangan semua sekolah rendah di Malaysia.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Teater

Menurut Robert Cohen (1981) dalam bukunya *Theatre*, teater membawa erti “satu bentuk kerja artistik yang melibatkan pelakon meniru watak ataupun perwatakan di dalam sebuah bentuk persembahan secara langsung yang bukan difilemkan berdasarkan kepada sebuah skrip yang dikarang”. Teater memberikan peluang yang sempurna untuk murid secara umum, cara-cara di mana penempatan tegangan menyumbang kepada pengertian garis, jelas masuk akal untuk menggabungkan ini dengan kajian struktur tatabahasa tertentu dan bidang leksikal (Grier, 2018). Teater digunakan bertujuan untuk membawa kehidupan sebenar ke dalam kelas. Ia menjadi alat dan pembelajaran pengajaran yang kuat dengan beri kesan positif yang mendalam terhadap pembangunan kognitif, sosial, emosi dan fizikal murid. Penggunaan teknik teater interaktif berfaedah dan boleh bergabung ke semua mata pelajaran sekolah dan kehidupan seharian. Teater adalah pedagogi yang mencapai kecerdasan berbilang murid dan gaya pembelajaran



yang berbeza. Ia adalah mod pembelajaran pelbagai sensori yang melibatkan minda, badan, deria, dan emosi untuk mewujudkan hubungan peribadi dengan dunia sebenar dan membantu memupuk kefahaman dan pengekal (Weltsek, 2019). Dengan ini dinyatakan bahawa teater dalam pendidikan merupakan salah satu kategori seni dalam persembahan yang menggabungkan seni lakonan dengan pelbagai yang lain seperti seni muzik dan seni tari.

1.8.2 Advokasi

Advokasi atau dalam bahasa antarabangsa (bahasa Inggeris) yang dikenali sebagai advokasi adalah satu bentuk tindakan yang membawa kepada pertahanan, sokongan, atau bentuk cadangan, iaitu sokongan aktif. Advokasi juga ditafsirkan sebagai satu bentuk usaha untuk mempengaruhi dasar awam dengan pelbagai corak komunikasi persuasif. Takrifan advokasi mengikut penjelasan yang diberikan oleh pakar dalam bidang ini memang sangat beragam. Sementara itu, tanggapan tentang advokasi secara ringkas adalah percubaan atau proses untuk mendapatkan komitmen yang dalam hal ini dilakukan dengan cara yang persuasif yang menggunakan ketepatan dan ketepatan maklumat. Menurut pakar-pakar seperti advokasi Sheila Espine Vilaluz adalah tindakan strategik dan bersepadu yang dilakukan oleh individu atau kumpulan untuk memberi input isu atau masalah ke dalam pelan reka bentuk dan dasar. Dan advokasi boleh bermakna membina asas sokongan untuk dasar-dasar awam yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang ada. Sementara itu, menurut (Kaminski dan Walmsley, 1995) berpendapat bahawa konsep advokasi: "Ini adalah pekerjaan yang memberi





petunjuk kepada keunggulan kerja sosial berbanding bidang lain. Selain itu," advokasi "ditakrifkan sebagai tindakan dalam mengubah dasar.

1.8.3 Potensi

Potensi berasal dari bahasa latin iaitu *potential* yang membawa maksud kemampuan. Potensi adalah kemampuan yang mempunyai peluang untuk dikembangkan (Pakhi Pamungkas, 1997). Potensi adalah anugerah yang sangat hebat yang belum ketara di awal usia seseorang manusia. Di samping itu, potensi adalah kemampuan yang belum dilihat, kuasa yang masih belum terbongkar, kekuatan yang belum ditonjol, hasil yang masih kabur, kurnia yang masih tersimpan rapi atau dengan kata lain potensi adalah kemampuan atau daya kekuatan, di mana ianya merupakan bakat dan hasil stimulus atau latihan dalam perkembangan (Abi Hafiz, 2013). Menurut Mok Soon Sang (2008), pengertian potensi manusia yang ditonjolkan mempunyai tahap yang berbeza kerana bukan semua individu yang mempunyai peluang untuk mempertingkatkan potensi mereka dalam alam kehidupan. Secara rumusannya, potensi manusia yang terpendam boleh dicungkil dan menjadi kebolehan nyata melalui motivasi yang sesuai. Oleh itu, dalam konteks pendidikan sekolah, guru, ibu bapa, dan komuniti memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan.





1.8.4 Murid Sekolah Rendah

Sekolah rendah merupakan salah satu pendidikan rendah yang memberi pengkhususan bagi masyarakat dalam sesebuah negara dalam lingkungan yang berusia lebih daripada enam tahun dan ianya berlaku sehingga murid tersebut mencapai usia dua belas tahun. Antara kemahiran yang diajar di peringkat ini ialah asas-asas membaca, menulis dan mengira. Di Malaysia, sistem pendidikan sekolah rendah adalah dijalankan di sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan dan juga sekolah swasta. Manakala apabila murid telah berada di dalam darjah enam, iaitu pada usia dua belas tahun, mereka seterusnya dikehendaki mengambil peperiksaan penilaian yang dipanggil Ujian Penilaian Sekolah Rendah atau UPSR (yang kini telah dimansuhkan), dengan menilai prestasi mereka di dalam kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris, Matematik dan Sains. Sistem pendidikan sekolah rendah ini menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama serta wajib melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah bermula pada tahun 3 hingga tahun 6. Antara lain pernyataan Dasar Pendidikan Rendah adalah untuk murid-murid yang berumur 6+ hingga 12+ tahun yang telah mencapai umur 6+ tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu, dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib termasuk kanak-kanak bukan warganegara. (KPM, 2017).





1.9 Projek Advokasi Bengkel Teater ‘Mencari Puteri Hang Li Po’

Bengkel ini adalah bertujuan untuk memupuk potensi diri murid sekolah rendah. Kumpulan sasaran yang menyertai bengkel ini adalah daripada golongan murid sekolah rendah (SK) tahap 2 yang berumur dalam lingkungan 10 hingga 12 tahun. Pemilihan para peserta bengkel ini adalah dipilih oleh guru yang lebih arif dan lebih mengenali murid yang berpotensi dan mempunyai bakat terpendam. Tujuan utama golongan murid dalam lingkungan umur begini dipilih kerana golongan ini lebih terserlah potensi yang ada dalam diri mereka namun belum berpeluang untuk digilap dan dipupuk. Amat rugi sekiranya potensi yang ada sepatutnya terserlah namun tidak berpeluang untuk digilap. Justeru itu, projek advokasi ini melalui bengkel teater ‘Mencari Puteri Hang Li Po’ yang berkonsepkan teater muzikal dijadikan sandaran untuk memupuk potensi diri murid sekolah, selaras dengan tujuan FPK yang menegaskan sistem pendidikan di Malaysia memberi penekanan terhadap perkembangan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh ke arah melahirkan insan yang baik berdasarkan kepercayaan, keyakinan dan kepatuhan kepada tuhan. Bengkel teater advokasi ini, berjalan selama 2 hari yang diadakan pada hujung minggu serta dijalankan selama dua hari berturut-turut dan lokasinya diadakan di dewan sekolah. Murid-murid yang terpilih untuk menyertai bengkel ini telah mendapat keizinan daripada ibu bapa masing-masing. Pemilihan peserta adalah daripada guru sekolah merangkap jurulatih teater yang bertanggungjawab dalam menjayakan bengkel teater advokasi ini.

Menurut jurulatih teater sekolah tersebut, kebanyakan murid-murid sekolah rendah ini, mahu menonjolkan bakat mereka namun kurangnya peluang di samping sifat malu untuk berkomunikasi serta tidak yakin pada diri sendiri menjadikan ianya




menjadi kekangan potensi diri mereka terus terbantut dan tidak berkembang. Melalui bengkel teater yang diadakan ianya dapat melahirkan murid-murid yang berjaya serta mempunyai ilmu dalam menguasai kemahiran dalam bidang seni khususnya seni lakon. Beliau turut menegaskan bahawa murid-murid mudah memahami dan apresiasi terhadap bidang seni teater lebih terserlah. Melalui teater juga, ianya dapat memupuk nilai-nilai murni dan membentuk jati diri bangsa dalam diri murid melalui sesi pembelajaran, latihan yang dipraktikkan dalam setiap persembahan yang disertai. Ini secara tidak langsung, teater menjadi medium bagi meluaskann daya kreativiti murid sekolah rendah melalui teknik yang dipelajari dalam bengkel teater advokasi ini. Seterusnya, murid sekolah rendah ini dapat ilmu kemahiran dalam bidang kesenian selaras yang diperlukan dalam pasaran industri kreatif masa kini.

Konsep ‘Teater Mencari Puteri Hang Li Po’ ini ialah berbentuk muzikal. Dalam bengkel ini, murid-murid diajar dan diberi ilmu bagaimana asas-asas teater, serba sedikit sejarah teater, membincangkan tentang skrip, bagaimana untuk improvisasi serta pada akhirnya mereka akan dikenalkan dengan kemahiran para produksi dan dipenghujung bengkel akan ada “showcase” yang akan dipersembahkan oleh peserta bengkel teater advokasi ini. Disertakan juga lirik lagu yang disampaikan semasa bengkel teater ini berlangsung.


1.9.1 Kerangka Konsep

Projek ini dapat dilihat melalui kerangka konsep yang menerangkan secara lebih spesifik dalam bentuk grafik tentang kaedah kajian projek yang bakal dijalankan. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep kajian projek yang dilakukan.



Rajah 1.2. Kerangka Konsep 'Bengkel Teater Advokasi "Mencari Puteri Hang Li PO"

Dalam kerangka konsep yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 memberi gambaran mengenai projek advokasi yang akan dilakukan bagi mengenal pasti potensi diri murid sebelum dan selepas bengkel teater advokasi diadakan berdasarkan elemen kemahiran komunikasi murid.



Rajah 1.3. Carta Aktiviti Dalam Bengkel Teater Mencari Puteri Hang Li Po

Kemudian dalam rajah 1.3 menerangkan carta aktiviti dalam bengkel teater advokasi “Mencari Puteri Hang Li Po”. Dalam bengkel ini ia akan melatih murid bagaimana untuk menghayati sesebuah watak yang dipegang, seterusnya membincangkan tentang skrip dan selepas itu mereka akan diajar bagaimana untuk improvisasi serta pada akhirnya para peserta bengkel akan dikenalkan dengan kemahiran pra produksi. Di penghujung bengkel akan ada “showcase” yang dipersembahkan oleh para peserta bengkel.



1.9.2 Sinopsis Teater Mencari Puteri hang Li Po

Teater Mencari Puteri Li Po adaptasi daripada karya Prof. Datin Dr. Rahmah Bujang mengisahkan seorang puteri dari negara China iaitu Puteri Li Po yang menghadapi pelbagai ujian dan dugaan untuk sampai ke negeri Melaka yang ketika itu ditakluk oleh Sultan Mansur Syah. Cerita bermula apabila Tun Papatih Putih pergi ke China untuk mengadakan hubungan diplomatik. Tibanya di China, Tun Papatih Putih telah bertemu dengan Maharaja dari Dinasti Ming dan tanpa disedar maharaja tersebut telah tertarik dengan kemahsuran Kesultanan Melaka. Rentetan daripada itu, baginda telah menghadiahkan puterinya kepada Sultan Mansur Syah untuk dijadikan isterinya. Puteri yang dihadiahkan itu adalah Puteri Hang Li Po. Jalan ceritanya hanya berkisar semasa pemergian Tun Papatih Putih ke China dan ketika kembalinya ke Melaka. Semasa dalam perjalanan Tun Papatih Putih menghadapi pelbagai ujian. Ujian Tun Papatih Putih apabila dia bertemu dengan pelbagai makhluk-makhluk ganjil di dalam hutan dan ketika mengharungi gelombang lautan di atas kapal. Ceritanya dimenarikan dengan adanya lagu yang dicipta khas untuk teater ini.

1.9.3 Lirik lagu "Mencari Puteri Hang Li Po"

Hang Li Po puteri jelita yang suci nan cahaya
 Dialah gahara di taman puspa bagaikan sinar cahaya
 Li Po puteri maharaja tiada dua dibanding tiga
 Lembut manis wajahnya seperti ayuan kemboja
 Jari-jemari halusny lembut melambai menawan
 Rambut hitamnya mengurai angin senja
 Li Po Puteri ini manis segumpal cahaya
 Menerangi satu malam senja jari-jemari halusny
 Lembut melambai menawan rambut hitamnya mengurai
 Angin senja Li Po Puteri ini



Manis segumpal cahaya menerangi satu malam gelap

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam bab 1 ini ianya menerangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah secara mendalam serta objektif kajian. Kepentingan kajian juga disentuh di dalam bab ini untuk menyatakan kepentingan dari setiap golongan dan dapat mendorong semua golongan terhadap kajian ini. Di dalam objektif kajian, ianya menerangkan bagaimana untuk mengenal pasti potensi diri murid dari aspek kemahiran komunikasi sebelum projek bengkel teater dijalankan dan seterusnya memupuk potensi diri murid setelah projek bengkel teater dijalankan. Pada masa yang sama kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan refleksi jurnal dalam kalangan murid untuk mengumpul data. Fenomena ini dapat digambarkan dalam pengumpulan data. Dalam kajian ini juga, pengkaji mengumpul data dalam kumpulan murid tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Balung Tawau, Sabah untuk memupuk potensi diri murid dalam kemahiran komunikasi melalui aktiviti bengkel teater. Di dalam definisi operasional pula, ianya menerangkan setiap input di dalam kajian ini.

Oleh itu, dicadangkan pada masa akan datang adanya penerokaan mengenai isu-isu cabaran yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk mendapatkan gambaran yang luas mengenai cara untuk pemupukan potensi diri murid khususnya dalam kemahiran bercakap atau komunikasi. Oleh itu, adalah penting pada masa akan datang adanya pengkaji lain menjalankan penyelidikan secara keseluruhan di Malaysia, agar dapat meneroka lebih mendalam lagi kajian ini untuk mendapatkan pengetahuan mengenai subjek kajian ini.